



KOPERASI GURU-GURU LEPASAN MAKTAB/ PUSAT LATIHAN HARIAN PAHANG (KOGURU) BERHAD

Peraturan-peraturan AKTIVITI KREDIT

1.
 - a. Peraturan-peraturan ini adalah dinamakan “Peraturan-peraturan Aktiviti Kredit Koperasi Guru-Guru Lepas Maktab/Pusat Latihan Harian Pahang (KOGURU) Berhad”. **Tajuk**
 - b. Peraturan-peraturan ini diwujudkan di bawah **Undang-Undang Kecil 8(1) (a) dan 54 (1) (c)** Koperasi ini dan di kuatkuasakan selepas Persetujuan Mesyuarat Agung Koperasi ini dan Ketua Pendaftar.
2. Dalam peraturan ini, melainkan ada sesuatu perkara atau perkataan yang berlainan maknanya maka tafsiran berikut adalah diterima pakai. **Tafsiran**
 - a. **“Anggota Lembaga”** bermaksud Anggota Lembaga Koperasi yang dilantik di bawah Undang-undang Kecil Koperasi ini.
 - b. **“Exco”** bermaksud Anggota Lembaga yang terdiri daripada Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari.
 - c. **“Anggota”** bermaksud anggota-anggota yang telah sah diterima masuk menjadi anggota mengikut Undang-undang Kecil Koperasi ini dengan telah menjelaskan syer RM100 (*Ringgit Malaysia Satu Ratus Sahaja*) dan tidak pernah mungkir daripada mencarum kepada bayaran bulanan yurannya 3 (tiga) bulan berturutan.
 - d. **“Pemohon”** bermaksud anggota yang sah dan layak membuat pinjaman untuk sesuatu pembiayaan.
 - e. **“Penjamin”** bermaksud anggota yang sah dan memenuhi syarat dalam undang-undang kecil koperasi untuk menjadi penjamin kepada pemohon pembiayaan.
 - f. **“Pembiayaan”** bermaksud sejumlah wang yang dipinjamkan kepada pemohon (anggota) bagi sesuatu tujuan
 - g. **“Bayaran Perkhidmatan”** bermaksud bayaran perkhidmatan yang dikenakan kepada penerima pembiayaan.
 - h. **“Saksi”** bermaksud anggota atau bukan anggota yang layak dan mengetahui syarat dan peraturan pembiayaan ini.
 - i. **“Cagaran”** bermaksud harta atau hartanah atau aset kewangan milik anggota yang disandarkan kepada koperasi.

- 3** Tujuan aktiviti kredit ini diwujudkan adalah untuk :- **Tujuan**
- a. Memberi pembiayaan kepada anggota.
 - b. Menolong anggota membeli dan memiliki harta.
- 4.** Kewangan Aktiviti Kredit ini adalah diperoleh daripada:- **Sumber Kewangan**
- a. Yuran bulanan anggota .
 - b. Keuntungan daripada pembiayaan dan pelaburan koperasi..
 - c. Pembiayaan dari institusi kewangan yang dibenarkan oleh Akta
- 5.** Biro Kewangan Koperasi ini ditadbir oleh Jawatankuasa Kecil Kewangan yang dilantik oleh Anggota Lembaga di bawah undang-undang kecil 44(2)(v). **Pentadbiran**
- a. Jumlah ahli jawatankuasa ini adalah tidak melebihi 7 orang.
 - b. Salah seorang yang diberi kuasa mengeluarkan wang oleh Undang-Undang Kecil Koperasi adalah dengan sendirinya menjadi Ahli Jawatankuasa Kecil ini
- 6** Tahun kewangan aktiviti kredit ini bermula daripada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember tiap-tiap tahun sebagaimana sesuai dengan Undang-undang kecil 66. **Tahun Kewangan**
- 7** Semua anggota koperasi yang sah adalah layak untuk memohon mana-mana jenis pembiayaan yang disenaraikan dalam peraturan aktiviti kredit koperasi ini. **Kelayakan Memohon.**
- 8.** Jenis dan Kadar aktiviti kredit:- **Jenis dan kadar Pembiayaan**
- a. Pembiayaan 90% dari modal yuran.
 - b. Pembiayaan Bercagar tidak melebihi RM 50,000
 - c. Pembiayaan Berjamin tidak melebihi RM 40,000.
 - d. Pembiayaan lain
 - Pembiayaan Tergempar tidak melebihi RM 2,000
 - Pembiayaan Perabot tidak melebihi RM 3,000
 - Pembiayaan Komputer tidak melebihi RM 4.000
 - Pembiayaan Alat ganti kereta motor tidak melebihi RM 2,000
 - Pembiayaan Pelancongan tidak melebihi RM 5,000
 - Pembiayaan Barang kemas tidak melebihi RM 4,000
 - Pembiayaan Alatan kesihatan tidak melebihi RM 3,000
 - Pembiayaan Mengenang Budi tidak melebihi RM 5,000
 - Pembiayaan Insuran dan cukai jalan kereta motor tidak melebihi RM 3,000

9. Syarat pembiayaan

**Syarat
Pembiayaan**

9.1 Syarat pembiayaan bercagar :-

- a. Mempunyai modal yuran minima RM 3,000 (ringgit Malaysia Tiga Ribu)
- b. Cagaran tanah atau hartanah atau aset kewangan.
- c. Tempoh bayaran balik tidak melebihi 15 tahun
- d. Tiada mempunyai pembiayaan berjamin
- e. Mengambil insuran pembiayaan

9.2 Syarat pembiayaan berjamin dan lain-lain pembiayaan:-

- a. Syer mestilah mencukupi RM 100
- b. Mencarum sebagai anggota sekurang-kurangnya 3 bulan berturut-turut.
- c. Menyertakan penyata gaji asal terkini 3 (tiga) bulan berturutan.
- d. Baki gaji bersih minima 40 % dari jumlah pendapatan bulanan termasuk potongan pembiayaan dipohon.
- e. Mengambil insuran pembiayaan

9.3 Syarat pembiayaan Mengenang Budi :-

- a. Salinan penyata bayaran pencen dan buku bank.
- b. Menyediakan arahan tetap bank dan perakuan tidak membatalkan tanpa persetujuan bertulis koperasi ini.
- c. Khas untuk anggota yang bersara
- d. Mengambil insuran pembiayaan

10. Kadar bayaran perkhidmatan

**Bayaran
perkhidmatan**

- a. Bayaran perkhidmatan pembiayaan bercagar tidak melebihi 4 %.
- b. Bayaran perkhidmatan pembiayaan berjamin pembiayaan mengenang budi dan pembiayaan lain tidak melebihi 6 %.
- c. Bayaran perkhidmatan pembiayaan pengguna tidak melebihi 8 %.

11. Setiap permohonan pembiayaan oleh anggota;-

**Memproses dan
kelulusan
permohonan**

- a. Akan diproses oleh Exco dan diluluskan oleh Anggota Lembaga koperasi ini.
- b. Permohonan pembiayaan bercagar akan diproses dan diluluskan oleh Anggota Lembaga koperasi ini.
- c. Pembiayaan lain diproses dan luluskan oleh Exco dan dimaklumkan kepada Anggota lembaga Koperasi ini

- Pembayaran**
12. Semua jenis pembiayaan akan dibuat melalui chek.
- Menolak permohonan**
- 13 a Anggota Lembaga koperasi ini adalah berkuasa menolak sebarang permohonan pembiayaan, menegadkan dan menolak permohonan anggota sebagai penjamin.
b Anggota tidak boleh menuntut pembiayaan di bawah aktiviti kredit koperasi ini sebagai satu haknya.
- Pembiayaan Ditarik Balik**
- 14 Pembiayaan biasanya akan dibayar dengan serta-merta bersama dengan bayaran perkhidmatan tanpa menghiraukan syarat-syarat pinjaman itu diberi mengikut keadaan berikut:-
a. Berhenti menjadi anggota, bayaran ditarik balik bersama bayaran perkhidmatan.
b. Penjamin hilang kelayakan dan peminjam gagal mendapat penjamin yang layak.
c. Gagal membayar ansuran pembiayaan tiga bulan berturut-turut.
d. Hilang kelayakan menjadi anggota Koperasi ini mengikut undang-undang kecil 15
- Tidak berhenti menjadi anggota**
- 15 Apabila seseorang anggota menerima pembiayaan atau menjadi penjamin bagi sesuatu pembiayaan, anggota hendaklah mengaku tidak akan berhenti menjadi anggota sehingga jelas ansuran pembiayaan itu.
- Penjelasan awal pembiayaan**
- 16 Anggota yang menerima pembiayaan boleh membayar balik kesemua pembiayaan atau sebahagian daripadanya pada sebarang masa terdahulu daripada tarikh yang pembiayaan itu mesti dibayar.
- Mendapatkan balik Ansuran yang tidak dijelaskan**
- 17 Mendapatkan balik pembiayaan yang tidak dijelaskan;-
a. Anggota Lembaga koperasi ini hendaklah segera menuntut balik daripada penerima pembiayaan akan apa-apa baki pembiayaan yang engkar dibayar oleh penerima pembiayaan.
b. Tiada apa-apa yang boleh menegadkan kuasa Anggota Lembaga Koperasi ini daripada membuat tuntutan terus kepada penjamin-penjamin.
c. Melalui proses mahkamah
- Penggantungan**
- 18 a Jika sekiranya kedudukan aktiviti kredit koperasi ini mengalami kesulitan kewangan, maka Anggota Lembaga koperasi ini akan menggantung aktiviti sehingga kesulitan kewangan dapat dipulihkan semula.
b Anggota koperasi hendaklah diberitahu melalui surat pekeliling mengenai penggantungan atau pemulihan semula aktiviti kredit ini.

19 Akaun berkaitan taktiviti kredit ini hendaklah diaudit bersama dengan akaun koperasi ini.

Audit

20 Anggota Lembaga koperasi ini hendaklah membentangkan dalam Mesyuarat Agung, laporan mengenai aktiviti kredit Biro Kewangan serta membuat cadangan dan menerima cadangan bagi memajukannya.

Makluman kepada Mesyuarat Agung

21 Jika berbangkit sebarang perselisihan faham atas tafsiran peraturan-peraturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Ketua Pendaftar mengikut undang-undang kecil 80 (1) koperasi ini.

Pertikaian

Diakui inilah pindaan Peraturan-peraturan Aktiviti Kredit dan Pendidikan yang dibentangkan dan diterima oleh Mesyuarat Agung Koperasi ini Kali Ke Tiga Puluh Tiga pada Sembilan Belas haribulan Mei Tahun Dua Ribu Tujuh.

.....
Pengerusi

.....
Setiausaha

.....
Anggota Lembaga